

06/09/1998

Waspada pihak peralat agama

Ibrahim Muhamad

KUALA TERENGGANU: Umat Islam di negara ini dinasihatkan supaya berhati-hati terhadap pihak tertentu menggunakan majlis agama termasuk solat hajat untuk kepentingan yang bercanggah dengan kehendak Islam, kata Ketua Penerangan Umno Malaysia, Datuk Dr Yusof Nor.

Bercakap kepada pemberita di sini semalam beliau berkata, walaupun Islam menggalakkan umatnya mengadakan solat hajat, ia atas kepentingan mencari kebenaran dan bukan mempertahankan kebatilan.

"Sebelum ini beberapa organisasi pernah mengadakan solat hajat untuk meminta pertolongan Allah bagi menghadapi kegawatan ekonomi demi kesejahteraan negara dan rakyat.

"Tetapi dalam isu pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, orang ramai perlu berhati-hati supaya majlis berkenaan tidak menimbulkan kekeliruan masyarakat," katanya.

Sebelum itu, Dr Yusof berkata pelajar tidak harus digunakan atas kepentingan peribadi individu dalam isu pemecatan Anwar kerana mereka (pelajar) tidak tahu senario sebenar yang sedang berlaku.

Beliau meminta semua pihak pengurusan pusat pengajian tinggi termasuk naib canselor tidak membiarkan organisasi pelajar bersendirian dan perlu membawa mereka ke arah yang betul untuk mencari kebenaran.

Dr Yusof bimbang, sekiranya keadaan tidak dikawal, pelajar akan menjadi mangsa kepada kepentingan pihak tertentu seperti yang pernah berlaku di negara lain yang akhirnya merugikan negara.

Mengenai Anwar menggunakan media asing untuk mempertahankan diri kata Dr Yusof, berkata pihaknya masih tidak mendapat gambaran sebenar mengenai perkara berkenaan.

Katanya, bagaimanapun ia boleh berlaku secara dua hala, sama ada Anwar menggunakan media asing atau Anwar dipergunakan oleh agensi berkenaan, untuk kepentingan mereka (media asing).

Dr Yusof juga menjelaskan Umno terpaksa mengambil sikap dan pendirian tegas bagi menangani isu pemecatan Anwar.

Katanya, dengan perasaan yang berat, barisan pemimpin parti terpaksa menghadapi proses penentuan antara kebenaran dan kebatilan walaupun yang terbabit adalah rakan sebangsa, seagama dan sama perjuangan.

Katanya, Umno sebuah parti yang memperjuangkan maruah dan martabat bangsa bertanggungjawab memelihara kemurnian perjuangan serta keselamatan pemimpin daripada cemuhan rakyat akibat pelakuan sumbang dan keji.

"Umno dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada mulanya enggan melayan berita skandal Datuk Seri Anwar, dengan andaian ia hanya satu rekaan dan perbuatan hasad dengki.

"Malangnya, Perdana Menteri berhadapan dengan kenyataan dan pendedahan bertubi-tubi yang sukar untuk menolaknya," katanya.

Perlu ditegaskan, kata Dr Yusof, maklumat yang diterima sangat sukar ditolak kerana bukti berpunca daripada banyak pihak dan selepas diselidik ada asas kukuh dan munasabah.

(END)